

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA

TEMPAT: DEWAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN, SETAPAK

TARIKH: 02 SEP 1995

MASA:

Saya ucap terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Parti MCA kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-42 hari ini.

2. Jika saya tidak salah inilah acara atau majlis MCA yang pertama saya hadiri selepas Pilihanraya Umum April lalu. Oleh itu, tidaklah lewat bagi saya untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada MCA dan semua anggotanya yang telah bekerja keras dan bekerjasama dalam Barisan Nasional untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya lalu. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato Seri Dr. Ling Liong Sik sebagai Presiden dan calon-calon MCA yang telah menang dengan cemerlangnya.

3. Pilihanraya April lalu membuktikan MCA tetap berpengaruh di kalangan masyarakat Cina di negara kita, tidak seperti yang didakwa oleh parti-parti pembangkang terutama DAP. Ia juga menunjukkan MCA turut mendapat sokongan besar daripada masyarakat lain yang yakin dan percaya MCA boleh terus membela nasib mereka bersama.

4. Masyarakat Cina di negara kita tidak semudahnya terpengaruh dengan dakwah-dakwah palsu parti lawan terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Orang Cina kini lebih luas pandangan dan bijak menilai sesuatu perkembangan yang berlaku. Mereka melihat jauh ke hadapan mengenai nasib masa depan mereka dan tidak mendengar dan mempercayai dakwaan-dakwaan yang tidak berasas mengenai keburukan-keburukan Kerajaan Barisan Nasional.

5. Parti-parti pembangkang memang suka melempar berbagai-bagai tuduhan terhadap Kerajaan. Soal-soal seperti ketidakadilan, rasuah yang kononnya berleluasa, pilih kasih atau 'connections' dalam perniagaan, moral pemimpin, penindasan ke atas rakyat, nasib pekerja yang dikatakan tidak dibela, pengambilan tanah untuk pembangunan dan sebagainya sering dijadikan isu politik. Tetapi tuduhan-tuduhan itu tidak diterima bulat-bulat oleh orang keturunan Cina dan pengundi-pengundi kaum lain kerana ia mempunyai asas yang lemah dan sengaja diada-adakan untuk mendapat sokongan politik.

6. Rakyat kita sebenarnya sudah matang dan boleh berfikir serta membuat penilaian sendiri. Mereka menghormati undang-undang negara dan membiarkan proses undang-undang menentukan keadilan kepada semua pihak. Kerajaan memang tidak menganiaya mana-mana pihak atau melindungi sesiapa dalam menegakkan kebenaran. Tindakan Kerajaan adalah berasaskan kepada kepentingan negara dan rakyat semata-mata. Mustahil Malaysia boleh menjadi makmur dengan semua projek anjuran Kerajaan dilaksanakan dengan baik dan cepat jika benarlah Kerajaan ini bergelumang dengan rasuah, tidak adil dan tidak cekap. Mustahil Malaysia dipilih sebagai negara contoh oleh badan-badan dunia. Mustahil ramai pelawat datang ke sini untuk mengkaji sistem pemerintahan kita.

7. Rakyat sebenarnya tidak lagi suka mengungkit perkara-perkara remeh-temeh yang sering dijadikan isu atau modal politik oleh parti-parti lawan. Rakyat sedar masalah-masalah kecil yang mereka hadapi selalunya boleh diatasi dengan segera dan baik melalui wakil-wakil rakyat Barisan Nasional dan jentera-jentera Kerajaan yang semakin cekap dan peka akan nasib mereka. Mereka tidak lagi menggunakan cara-cara dan saluran-saluran yang hanya menegangkan keadaan tanpa mendatangkan hasil yang ditujukan. Berkonfrantasi dengan Kerajaan atau antara kaum atau di antara majikan dengan pekerja, seperti yang disaran oleh parti lawan tidak pernah menghasilkan kejayaan tanpa kos yang amat tinggi. Negara yang menggunakan pendekatan ini tidak pernah maju dan aman.

8. Harapan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional selepas pilihanraya adalah semakin tinggi dan besar. Impian rakyat terhadap masa depan mereka dan anak cucu mereka serta negara juga semakin luas dan kritikal. Inilah yang harus kita sedari dan fahami. Kita perlu bersedia untuk menghadapi tekanan harapan tinggi rakyat ini. Jika kita gagal memenuhi harapan mereka saya khuatir kita akan menerima padahnya kelak. Sepertimana yang saya katakan tadi rakyat kini lebih matang berfikir dan sudah pandai membuat penilaian sendiri. Kuasa memilih Kerajaan adalah di tangan rakyat. Justeru itu, jika kita gagal 'to measure up' kepada harapan mereka, mereka mungkin tidak lagi mengundi Barisan Nasional di masa akan datang.

9. Oleh itu, untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan ini kita perlu membuat persiapan yang rapi. Salah satu persiapan yang harus kita lakukan ialah menanamkan di kalangan kita semangat yang tinggi untuk membela nasib rakyat jelata, dengan bekerja lebih keras lagi dengan komitmen, berdedikasi serta bertanggungjawab. Keikhlasan kita untuk membawa rakyat pada kemakmuran, keharmonian, kemajuan dan perpaduan hendaklah dibuktikan bukan sahaja dengan perkataan tetapi juga perbuatan.

10. Walaupun MCA dan UMNO juga adalah parti yang berasas kepada kaum, tetapi kita tidak boleh berjuang untuk kaum kita semata-mata. Dalam pilihanraya, kita disokong oleh semua kaum. Justeru itu, kita perlu memberi perhatian dan berkhidmat untuk semua kaum. UMNO sebenarnya sudah pun memberi perhatian kepada kaum-kaum lain. Parti-parti Barisan Nasional yang berasas kepada kaum perlulah mengambilkira dan berjuang untuk semua kaum.

11. Kerajaan masih memandang berat mengenai penyertaan kaum Bumiputera yang masih rendah dalam ekonomi negara. Kita masih perlu berusaha untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi Bumiputera dengan kaum-kaum lain yang sudah berjaya dan maju jauh ke depan. Kita tidak boleh memandang ringan perkara ini kerana ini merupakan salah satu faktor penting yang dapat mengurangkan ketegangan kaum di negara kita. Walaupun pada hari ini ketegangan sudah berkurangan, tetapi jika kita biarkan perbezaan berterusan, ketegangan akan kembali. Dan ketegangan ini akan menjejaskan pencapaian kita semua, Bumiputera dan bukan Bumiputera.

12. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diwujudkan lebih 20 tahun lalu dan kemudiannya disusuli oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah teras kepada usaha mengimbangi kedudukan ekonomi semua kaum. Kedua-dua dasar ini dilahirkan dengan tujuan yang ikhlas dan murni untuk memajukan taraf sosio-ekonomi semua rakyat secara adil dan saksama. Sehingga ini kedua-dua dasar ini telah menunjukkan hasil dan perkembangan yang positif walaupun matlamatnya masih belum dicapai.

13. Bagi menentukan dasar-dasar ini mencapai kejayaan dan dapat menepati objektif sepenuhnya, rakyat semua kaum perlu saling bantu-membantu dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjayakan cita-cita besar negara ini.

14. Mana-mana kaum yang mempunyai kebolehan dan kepandaian yang lebih dalam bidang-bidang yang tertentu hendaklah berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan kaum-kaum lain yang masih serba kekurangan dan lemah. Sebagai contoh, orang Cina yang memang terkenal bijak dalam menjalankan perniagaan sejak dari turun temurun, bolehlah mengembangkan kebolehan mereka kepada orang lain yang masih baru dalam bidang itu. Kita tidak akan rugi jika kita berbuat demikian. Perbuatan menggunakan Bumiputera untuk imej sahaja akan merugikan kaum bukan Bumiputera, kerana selama-lamanya mereka akan dibebankan dengan amalan ini. Lebih buruk lagi ialah mereka yang tidak dapat memperalatkan Bumiputera tidak akan mencapai kejayaan sama sekali.

15. Namun demikian kerjasama yang ikhlas antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera harus digalakkan.

Inilah satu proses 'transfer of skill and knowledge' yang berkesan kepada Bumiputera. Tetapi rakan Bumiputera hendaklah diberi tugas yang berguna dan dipaksa bekerja kuat. Bukanlah menjadi tugas mereka hanya untuk berjumpa dengan pegawai Kerajaan sahaja.

16. Tuduhan bahawa pengambilan Bumiputera sebagai rakan adalah satu jenis rasuah mempunyai asas jika ianya semata-mata untuk mendapat pengaruh. Tetapi tidaklah mudah untuk menentukan bila amalan ini bercorak rasuah dan bila ianya tidak. Jika tugas rakan Bumiputera tidak terhad kepada mendapat pengaruh, tetapi sebaliknya menyumbang kepada kejayaan perniagaan, maka unsur yang tidak baik daripada amalan kerjasama Bumiputera dengan bukan Bumiputera akan dapat dikurangkan.

17. Di sini ingin saya ulang sekali lagi bahawa apabila kita menolong memperkayakan orang lain, kita akan memperkayakan diri kita. Hari ini pasaran di Malaysia hanya masih separuh daripada potensinya. Ini adalah oleh sebab 'buying power' Bumiputera tidak mencapai tahap yang sama dengan bukan Bumiputera. Jika 'buying power' Bumiputera dapat disamakan dengan 'buying power' bukan Bumiputera, maka pasaran dalam negara kita akan menjadi lebih besar. Dengan itu, semua peniaga akan meraih keuntungan yang lebih. Walaupun hari ini keuntungan daripada perniagaan adalah tinggi, tetapi ia boleh menjadi lebih tinggi jika 'buying power' Bumiputera boleh dinaikkan lagi.

18. Dalam satu seminar di Langkawi baru-baru ini saya telah menegaskan betapa pentingnya Malaysia menolong memperkayakan negara-negara jiran. Jika mereka kaya kita bukan sahaja akan bebas daripada kemasukan pendatang haram tetapi dagangan kita dengan mereka akan meningkat. Dengan ini pertumbuhan ekonomi kita juga akan tambah meningkat. Demikianlah dengan jiran negara, demikian juga dengan jiran dalam negara. 'In helping others, you are actually helping yourself. Do not beggar your neighbour. Help them to prosper instead. You have nothing to lose but much to gain.'

19. Kemakmuran membawa kemakmuran atau 'Prosperity begets Prosperity'. Pertumbuhan ekonomi yang pesat di Malaysia dengan sendirinya membaja pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Jika tidak kerana ekonomi tumbuh, tentulah rakyat tidak akan menambah pendapatan mereka. Kerana mereka mempunyai pendapatan yang bertambah maka peniaga dapat menjual lebih banyak barangan dan khidmat kepada mereka. Dengan ini peniaga dapat menambah keuntungan mereka dan membesarkan perniagaan mereka lagi.

20. Di Malaysia sekarang 'multibillion ringgit companies' sudah banyak. Mereka sekarang mengembangkan perniagaan mereka dalam semua bidang dalam negara dan

mereka melabur dan berniaga secara besar-besaran di negara asing. Syarikat-syarikat Malaysia sekarang cergas di semua benua di dunia. Mereka membeli harta di Amerika Syarikat, Australia, Eropah, Afrika, bahkan di Asia Tengah.

21. Semua ini sedikit sebanyak adalah hasil dasar Kerajaan Barisan Nasional. Semua ini adalah hasil kerjasama parti-parti Komponen Barisan Nasional.

22. Kita akui mungkin ada dasar Barisan Nasional atau pendekatan Barisan Nasional yang salah. Kita akui bahawa kita tidak `perfect', tidak bebas daripada kesilapan. Tetapi tidak siapa pun boleh berkata bahawa Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional tidak berupaya menjayakan negara kita Malaysia. Rakyat Malaysia tidak boleh menidakkan kejayaan Malaysia di bawah Barisan Nasional dan dunia juga tidak dapat menafikan kejayaan Malaysia di bawah Barisan Nasional.

23. Justeru itu, tiap parti komponen dan ahli-ahli mereka hendaklah berusaha mengekal dan menjayakan Barisan Nasional. Semua pihak harus bersabar kerana semua usaha akan mengambil masa sebelum kejayaan dicapai. Tetapi yakinlah akhirnya dasar-dasar Barisan Nasional akan membawa kebaikan kepada semua kaum di Malaysia.

24. Dengan harapan bahawa masyarakat Cina Malaysia akan terus menyokong Barisan Nasional demi kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara di masa depan, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA Ke-42 bagi tahun 1995.